

Pekerja asing pasti dikurangkan

UM 28 JAN 2002

Oleh ROSNI HASSAN
dan LUQMAN HAKIM

LANGKAWI 27 Jan. — Kerajaan bertekad mengurangkan bilangan pekerja asing untuk menyekat pengaliran keluar wang di samping mengelak daripada berhadapan dengan risiko keganasan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kedatangan pekerja asing ke negara ini mengakibatkan pengaliran keluar begitu banyak wang negara dan menyebabkan negara terpaksa berhadapan dengan insiden keganasan sebagaimana yang berlaku di kilang tekstil, Hualon Corporation (M) Sdn. Bhd di Negeri Sembilan baru-baru ini.

Katanya, bagi mengelakkan timbulnya masalah yang diwujudkan oleh pekerja asing, peluang pekerjaan yang wujud di negara ini sewajarnya diisi oleh rakyat tempatan.

“Sama ada separuh atau kurang, kita memang perlu mengurangkan pekerja asing termasuk juga rakyat Indonesia kerana mereka menghantar balik begitu banyak wang dari sini yang menyebabkan pengaliran keluar wang negara,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang Kejohanan Ironman Langkawi Malaysia Triatlon di sini, hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas kenyataan Ketua Setiausaha Menteri Dalam Negeri, Da-

tuk Seri Aseh Che Mat bahawa kerajaan akan mengurangkan separuh daripada kira-kira 900,000 pekerja Indonesia yang mendaftar di negara ini.

Tindakan tersebut menurutnya, sebagai satu langkah mengawal masalah yang mungkin ditimbulkan oleh pekerja asing.

Dr. Mahathir berkata, bagi menangani kekurangan bilangan pekerja asing itu kelak, syarikat-syarikat serta pengusaha yang terbabit perlu menggunakan lebih banyak kaedah automasi dan robotik.

Dalam perkembangan lain, kata Perdana Menteri, beliau berpuas hati dengan penganjuran Kejohanan Ironman Langkawi Malaysia Triatlon kali ini.

“Saya puas hati dengan keadaan ini, nampak kita semakin cekap dalam menguruskan pertandingan ini, saya nampak segala kemudahan terutama kemudahan perubatan sudah ada dengan lengkap,” katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap Kejohanan Ironman pada masa akan datang dapat menarik lebih ramai peserta dari luar negara dan lebih ramai rakyat Malaysia yang mengambil bahagian mencapai kejayaan,

Beliau menambah, kerajaan berhasrat untuk menggalakkan lebih banyak jenis sukan terutamanya sukan lasak seperti Ironman di negara ini supaya lebih ramai golongan belia dapat menyertainya selain dapat memperkenalkan Langkawi kepada pelancong asing.